

# PENGAJARAN DARIPADA AL-WAQI'AH



USTAZ MUSTAZAH BAHARI

## **Pengenalan**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang mencipta alam dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w yang membawa Rahmah ke seluruh alam.

Syukur kepada Allah s.w.t yang memberi nikmat peluang untuk memberi sokongan dan khidmat kepada Darul Tafsir, Masjid Alkhair bagi menjayakan projek penghasilan bahan-bahan tafsir dan tadabbur al-Quran.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada kepimpinan Masjid Alkhair yang memberi peluang dan kepercayaan kepada penulis untuk berkongsi sedikit ilmu yang dikurniakan Allah bagi menjayakan projek ini.

Usaha kerdil ini bertujuan untuk mengajak kaum muslimin dan muslimat kepada tadabbur ayat-ayat al-Quran yang diturunkan khas untuk umat Muhammad s.a.w.

Ia berpenampilan ringkas untuk mudah memahami intipati yang ingin disampaikan kepada kita. Ia ibarat jambatan untuk meneroka tafsiran lanjut yang boleh didapati dari kitab-kitab tafsir yang ulung. Para pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut akan perincian ayat-ayat yang dibaca, boleh merujuk kepada pelbagai kitab tafsir yang sedia ada.

## **Metodologi**

Bagi memastikan usaha ini berpandukan tafsiran yang betul, penulis telah mengambil beberapa rujukan asas dari kitab-kitab tafsir yang berwibawa seperti, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Aysar al-Tafasir dan yang lain-lain.

Dari sudut terjemahan pula, penulis merujuk kepada beberapa terjemahan secara fizikal dan online. Selanjutnya penulis melakukan olahan yang sesuai untuk memberikan maksud yang lebih mudah difahami menurut konteks bahasa Melayu.

Penulis tidak menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat yang jelas dan *straightforward*. Memadai dengan membaca terjemahan untuk memahami maksud ayat.

Usaha ini pasti tidak sempurna. Pasti ada banyak lagi panduan yang boleh dikongsi. Hanya yang diharapkan agar ia dapat menarik perhatian para pembaca untuk mengetahui lebih lanjut apakah lagi ilmu-ilmu yang terkandung dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran yang boleh dijadikan pedoman untuk diamalkan.

Akhir kalam, segala yang baik datang dari Allah, yang lemah dan serba kekurangan datang dari insan yang kerdil lagi hina ini. Semoga apa yang diusahakan mendapat Rahmat dan Redha Allah s.w.t.

Mustazah Bahari

Rabiulawal 1445.

# Surah al-Waqi'ah

## Pengenalan

Surah Makkiyah, mengandungi 96 ayat.

Menurut sebahagian ulama, surah al-Waqi'ah adalah kesinambungan dari surah al-Rahman kerana ia membicarakan tentang hal ehwal hari kiamat dan kehidupan alam akhirat. Cuma yang membezakannya adalah surah al-Rahman dimulakan dan dipenuhi dengan Rahmah, sedangkan di dalam surah al-Waqi'ah pula dimulakan dan diisi dengan peringatan keras akan apa yang bakal berlaku pada hari kiamat dan kesudahan bagi golongan yang ingkar.

## Surah ini mengandungi 3 poin penting:

1. Peringatan tentang hari kiamat
2. Nikmat syurga yang terindah bagi manusia yang berusaha dan taat, dan azab neraka yang pedih bagi mereka yang sombong dan ingkar.
3. Al-Quran dan Nabi Muhammad adalah perutusan yang benar dari Allah s.w.t.

## Kelebihan Surah al-Waqi'ah

Tiada kelebihan khusus yang diriwayatkan secara sahih mengenai surah al-Waqi'ah melainkan apa yang disabdakan oleh Nabi s.a.w apabila ditegur oleh Abu Bakar al-Siddiq r.a mengenai penampakan uban di kepala Baginda s.a.w. Lalu Nabi s.a.w bersabda, "Surah Hud, al-Waqi'ah, al-Mursalat, al-Naba' dan al-Takwir telah membuat rambutku beruban (kerana dahsyatnya khabar mengenai hal ehwal hari kiamat)." (H.R. al-Turmuzi)

## Firman Allah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ (١) لَيْسَ لَوْفَعَتِهَا كَاذِبَةٌ (٢) خَافِضَةٌ رَافِعَةٌ (٣) إِذَا رُجَّتِ الْأَرْضُ رَجًا (٤) وَبُسَّتِ  
الْجِبَالُ بَسًّا (٥) فَكَانَتْ هَبَاءً مُنْبَثًّا (٦)

1. Apabila terjadi hari Kiamat. 2. Terjadinya tidak dapat didustakan. 3. (Kejadian itu) merendahkan (satu golongan) dan meninggikan (golongan yang lain). 4. Apabila bumi digoncangkan sedahsyat-dahsyatnya. 5. Dan gunung-gunung dihancurluluhkan sehancur-hancurnya. 6. Maka jadilah ia debu yang berterbangan.

## Tadabbur Ayat

Perihal kiamat terkait dengan keimanan kepada kuasa Allah yang Maha Esa. Berlakunya kiamat sebagai tanda keagungan Allah dan kuasa-Nya yang mutlak. Kiamat perlu berlaku untuk memberi hak-hak kepada golongan yang teraniaya dan dizalimi di dunia. Apabila berlaku kiamat, barulah dikenali golongan manakah yang direndahkan kerana ingkar serta kufur, dan golongan yang ditinggikan darajat di sisi Allah kerana berbuat kebaikan dan sabar dalam ketaatan.

## Aplikasi Ayat

- ❖ **Jadikan kiamat kecil iaitu kematian kita yang boleh berlaku bila-bila masa sebagai peringatan untuk sentiasa melakukan kebaikan dan ketaatan.**
- ❖ **Jangan tunggu kiamat untuk melakukan kebaikan, lakukan segera jangan berlengah.**

### **Firman Allah:**

وَكُنْتُمْ أَزْوَاجًا ثَلَاثَةً (٧) فَأَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ (٨) وَأَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ (٩) وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ (١٠) أُولَئِكَ الْمُقَرَّبُونَ (١١) فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ (١٢) ثُلَّةٌ مِنَ الْأُولَى (١٣) وَقَلِيلٌ مِنَ الْآخِرِينَ (١٤) عَلَى سُرُرٍ مَوْضُونَةٍ (١٥) مُتَّكِنِينَ عَلَيْهَا مُتَقَابِلِينَ (١٦)

7. Dan kamu menjadi tiga golongan. 8. Iaitu golongan kanan, alangkah mulianya golongan kanan itu. 9. Dan golongan kiri, alangkah sengsaranya golongan kiri itu. 10. Dan orang-orang yang paling dahulu (beriman), merekalah yang paling dahulu (masuk syurga). 11. Mereka itulah orang yang dekat (kepada Allah). 12. Berada dalam syurga penuh dengan kenikmatan. 13. (Mereka terdiri dari) segolongan besar dari orang-orang yang terdahulu. 14. Dan segolongan kecil dari orang-orang yang terkemudian. 15. Mereka berada di atas pentas-pentas yang bertahtakan emas dan permata. 16. Mereka bersandar di atasnya saling berhadap-hadapan (sesama mereka).

### **Tadabbur Ayat**

Di akhirat kelak, manusia akan terbahagi kepada tiga kumpulan; 1) Golongan yang menerima kitab amalan dari kanan (golongan yang berjaya), 2) golongan yang menerima kitab amalan dari kiri (golongan yang binasa), 3) golongan yang sentiasa berlumba lumba dalam membuat kebajikan. Golongan yang berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan (*al-Sabiqun*) adalah yang terbaik dan mereka mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah. Golongan *al-Sabiqun* itu ramai di kalangan umat terawal Islam di kalangan para sahabat Nabi s.a.w. Sedikit pula di kalangan umat Islam yang terkemudian.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Usahakan agar dapat mencapai peringkat *al-sabiqun* dengan bersegera melakukan kebaikan tanpa berlengah-lengah.**

### **Firman Allah:**

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَانٌ مُّخَلَّدُونَ (١٧) بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقَ وَكَأْسٍ مِنْ مَعِينٍ (١٨) لَا يُصَدَّعُونَ عَنْهَا وَلَا يُنْزِفُونَ (١٩) وَفَاكِهَةٍ مِمَّا يَتَخَيَّرُونَ (٢٠) وَلَحْمِ طَيْرٍ مِمَّا يَشْتَهُونَ (٢١) وَحُورٍ عِينٍ (٢٢) كَأَمْثَالِ اللُّؤْلُؤِ الْمَكْنُونِ (٢٣) جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٢٤) لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا تَأْتِيهَا إِلَّا قِيْلًا سَلَامًا سَلَامًا (٢٦)

17. Mereka dikelilingi oleh anak-anak muda yang kekal muda. 18. Dengan membawa cawan, cerek dan gelas berisi minuman (arak) yang diambil dari air yang mengalir. 19. Mereka tidak pening (kerana meminumnya) dan tidak pula mabuk. 20. Dan buah-buahan apa pun yang mereka pilih. 21. Dan daging burung apa pun yang mereka inginkan. 22. Dan ada bidadari-bidadari yang bermata indah. 23. Laksana mutiara yang tersimpan baik. 24. Sebagai balasan bagi apa yang telah mereka kerjakan. 25. Di sana mereka tidak mendengar percakapan yang sia-sia mahupun yang menimbulkan dosa. 26. Melainkan kata-kata yang sejahtera (dan ucapan salam dari malaikat dan sesama mereka).

### **Tadabbur Ayat**

Nikmat-nikmat yang disebutkan berfungsi sebagai pemangkin semangat dan galakan untuk manusia berusaha menjadi golongan *al-Sabiqun*. Syurga itu hanya untuk hamba-hamba Allah yang patut dan taat kepada segala perintah-Nya. Manusia diberi ganjaran yang terbaik hasil dari apa yang telah dikerjakan sendiri di dunia.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Teruskan istiqamah dalam melakukan kebaikan dan ketaatan kerana ia menguntungkan.**

### **Firman Allah:**

وَأَصْحَابُ الْيَمِينِ مَا أَصْحَابُ الْيَمِينِ (٢٧) فِي سِدْرٍ مَّخْضُودٍ (٢٨) وَطَلْحٍ مَّنْضُودٍ (٢٩) وَظِلِّ مَمْدُودٍ (٣٠) وَمَاءٍ مَّسْكُوبٍ (٣١) وَفَاكِهَةٍ كَثِيرَةٍ (٣٢) لَا مَقْطُوعَةٍ وَلَا مَمْنُوعَةٍ (٣٣) وَفُرْشٍ مَّرْفُوعَةٍ (٣٤) إِنَّا أَنْشَأْنَاهُنَّ إِنْشَاءً (٣٥) فَجَعَلْنَاهُنَّ أَبْكَارًا (٣٦) غُرُبًا أَتْرَابًا (٣٧) لِأَصْحَابِ الْيَمِينِ (٣٨) ثَلَاثَةٌ مِنَ الْأَوَّلِينَ (٣٩) وَثَلَاثَةٌ مِنَ الْآخِرِينَ (٤٠)

27. Dan golongan kanan, alangkah mulianya golongan kanan itu. 28. (Mereka) berada di antara pohon bidara yang tidak berduri. 29. Dan pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya). 30. Dan naungan yang terbentang luas. 31. Dan air yang mengalir terus-menerus. 32. Dan buah-buahan yang banyak. 33. Yang tidak berhenti (berbuah) dan tidak terlarang mengambilnya. 34. Dan tempat-tempat tidur yang tinggi kedudukannya.<sup>1</sup> 35. Kami menciptakan mereka (bidadari-bidadari) dengan ciptaan yang istimewa. 36. Lalu Kami jadikan mereka perawan-perawan. 37. Yang penuh cinta dan sebaya umurnya. 38. Untuk golongan kanan. 39. Segolongan besar dari orang-orang yang terdahulu. 40. Dan segolongan besar pula dari orang yang kemudian.

### **Tadabbur Ayat**

Sifat Adil Allah s.w.t memberi ganjaran yang saksama dan adil kepada manusia menurut usaha masing-masing. Golongan *Ashab al-Yamin* ramai di kalangan umat Islam yang terawal, dan ramai juga di kalangan umat yang terkemudian. Nikmat syurga yang menanti golongan *Ashab al-Yamin* juga tidak kurang hebatnya.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Jangan putus berdoa agar Allah kurniakan nikmat-nikmat itu untuk kita.**
- ❖ **Cintai Allah dengan mentaati-Nya kerana Rahmat dan kasih sayang-Nya luas dan mencurah-curah untuk hamba-hamba-Nya.**

---

<sup>1</sup> Ada pendapat yang mengatakan *furush* (tempat tidur) itu bermaksud bidadari yang menjadi peneman waktu tidur di dalam syurga.

### **Firman Allah:**

وَأَصْحَابُ الشِّمَالِ مَا أَصْحَابُ الشِّمَالِ (٤١) فِي سَمُومٍ وَحَمِيمٍ (٤٢) وَظِلٍّ مِنْ يَحْمُومٍ (٤٣) لَا بَارِدٍ وَلَا كَرِيمٍ (٤٤) إِنَّهُمْ كَانُوا قَبْلَ ذَلِكَ مُتْرَفِينَ (٤٥) وَكَانُوا يُصِرُّونَ عَلَى الْحِنثِ الْعَظِيمِ (٤٦) وَكَانُوا يَقُولُونَ أَئِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَامًا أَئِنَّا لَمَبْعُوثُونَ (٤٧) أَوْ آبَاءُنَا الْأَوْلُونَ (٤٨)

41. Dan golongan kiri, alangkah sengsaranya golongan kiri itu? 42. (Mereka) dalam siksaan angin yang sangat panas dan air yang mendidih. 43. Dan naungan asap yang hitam. 44. Tidak sejuk dan tidak menyenangkan. 45. Sesungguhnya mereka sebelum itu (di dunia) hidup bermewah-mewah (dalam kesombongan). 46. Dan mereka terus-menerus mengerjakan dosa besar. 47. Dan mereka berkata, "Apabila kami sudah mati, menjadi tanah dan tulang-belulang, apakah kami benar-benar akan dibangkitkan kembali?" 48. Apakah nenek moyang kami yang terdahulu (dibangkitkan juga)?"

### **Tadabbur Ayat**

Apabila berlaku kiamat, manusia akan dikumpulkan secara langsung dalam kumpulan yang sesuai berlandaskan apa yang mereka percayai dan ikuti di dunia. Golongan yang binasa di akhirat adalah mereka yang menerima kitab catitan amalan mereka dari arah kiri. Tidak salah menjadi kaya tetapi kekayaan yang melalaikan manusia dari sifat syukur akan membinasakannya di akhirat. Apabila hati sudah menjadi kotor kerana sudah lama bergelumang di dalam kemungkar dan kesombongan, sukar untuk manusia menerima kebaikan dan kebenaran.

### **Aplikasi ayat**

❖ **Jangan kufur dengan segala nikmat Allah dengan berlaku sombong sehingga ingkar terhadap perintah-Nya serta melakukan kezaliman di dunia.**

### **Firman Allah:**

قُلْ إِنَّ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ (٤٩) لَمَجْمُوعُونَ إِلَىٰ مِيقَاتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ (٥٠) ثُمَّ إِنَّكُمْ أَيْهَا الضَّالُّونَ  
الْمُكَذِّبُونَ (٥١) لَأَكَلُونَ مِن شَجَرٍ مِّن زُقُومٍ (٥٢) فَمَالِئُونَ مِنْهَا الْبُطُونَ (٥٣) فَشَارِبُونَ عَلَيْهِ مِنَ  
الْحَمِيمِ (٥٤) فَشَارِبُونَ شُرْبَ الْهَيْمِ (٥٥) هَذَا نُزُهُم يَوْمَ الدِّينِ (٥٦)

49. Katakanlah, "(Ya), sesungguhnya orang-orang yang terdahulu dan yang kemudian. 50. Pasti semua akan dikumpulkan pada waktu tertentu, pada hari yang sudah dimaklumi. 51. Kemudian sesungguhnya kamu, wahai orang-orang yang sesat lagi mendustakan! 52. Pasti akan memakan pohon zaqqum. 53. Maka kamu akan memenuhi perutmu dengannya. 54. Setelah itu kamu akan meminum air yang sangat panas. 55. Maka kamu minum seperti unta (yang sangat haus) minum. 56. Itulah hidangan untuk mereka pada hari pembalasan.”

### **Tadabbur Ayat**

Allah Maha Berkuasa untuk menghidupkan semula dan mengumpulkan setiap makhluk-Nya pada hari kiamat kelak. Sifat mendustakan kebenaran sehingga menjadi sesat akhirnya merugikan manusia di akhirat. Siksa azab neraka lebih dahsyat berbanding azab di dunia.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Pelihara diri dari kesesatan dengan mencari petunjuk yang benar, berdamping dengan orang-orang baik dan berdoa kepada Allah agar terselamat dari sebarang penyelewengan.**

### **Firman Allah:**

نَحْنُ خَلَقْنَاكُمْ فَلَوْلَا تُصَدِّقُونَ (٥٧) أَفَرَأَيْتُمْ مَا يُمْنُونَ (٥٨) أَأَنْتُمْ تَخْلُقُونَهُ أَمْ نَحْنُ الْخَالِقُونَ (٥٩) نَحْنُ  
قَدَرْنَا بَيْنَكُمْ الْمَوْتَ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوبِينَ (٦٠) عَلَىٰ أَنْ نُبَدِّلَ أَمْثَالَكُمْ وَنُنشِئُكُمْ فِي مَا لَا تَعْلَمُونَ (٦١)  
وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ النَّشْأَةَ الْأُولَىٰ فَلَوْلَا تَذَكَّرُونَ (٦٢)

57. Kami telah menciptakan kamu, mengapa kamu tidak percaya kepada (hari kebangkitan)? 58. Maka adakah kamu perhatikan tentang nutfah (air mani) yang kamu pancarkan. 59. Kamukah yang menciptakannya, atau Kami penciptanya? 60. Kami telah menentukan kematian setiap kamu dan Kami tidak lemah, 61. untuk menggantikan kamu dengan orang-orang yang seperti kamu (di dunia) dan membangkitkan kamu kelak (di akhirat) dalam keadaan yang tidak kamu ketahui. 62. Dan sungguh, kamu telah tahu penciptaan yang pertama (ketika dilahirkan ke dunia), mengapa kamu tidak mengambil pelajaran (untuk penciptaan yang kedua yaitu dihidupkan semula pada hari kiamat)?

### **Tadabbur Ayat**

Manusia dicipta tanpa pengetahuan mereka pun lalu membesar dengan nikmat-nikmat Allah yang terlalu banyak sehingga mereka tidak mampu menghitungnya. Manusia tidak mampu untuk mengadakan atau menciptakan keperluan hidupnya sendiri tanpa kuasa Allah. Bukti kebesaran Allah terlalu banyak untuk diakui kebenarannya. Hanya orang yang sombong sahaja menafikannya. Allah Maha Berkuasa untuk membinasakan manusia dan menukarkan mereka dengan makhluk lain yang patuh dan taat kepada-Nya.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Sentiasa rendah diri dan bersyukur dengan nikmat-nikmat Allah.**

### **Firman Allah:**

أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَحْرُثُونَ (٦٣) أَأَنْتُمْ تَزْرَعُونَهُ أَمْ نَحْنُ الزَّارِعُونَ (٦٤) لَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَاهُ حُطَامًا فَظَلْتُمْ تَفَكَّهُونَ (٦٥) إِنَّا لَمُعْرِمُونَ (٦٦) بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ (٦٧) أَفَرَأَيْتُمُ الْمَاءَ الَّذِي تَشْرَبُونَ (٦٨) أَأَنْتُمْ أَنْزَلْتُمُوهُ مِنْ الْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنزِلُونَ (٦٩) لَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَاهُ أُجَاجًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ (٧٠) أَفَرَأَيْتُمُ النَّارَ الَّتِي تُورُونَ (٧١) أَأَنْتُمْ أَنْشَأْتُمْ شَجَرَتَهَا أَمْ نَحْنُ الْمُنشِئُونَ (٧٢) نَحْنُ جَعَلْنَاهَا تَذْكَرَةً وَنَتَاعًا لِلْمُقْوِينَ (٧٣) فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ (٧٤)

63. Pernahkah kamu perhatikan benih yang kamu tanam? 64. Kamukah yang menumbuhkannya atautkah kami yang menumbuhkan? 65. Sekiranya Kami kehendaki, nescaya Kami hancurkan sampai lumat; maka kamu akan menjadi hairan tercengang. 66. (sambil berkata), "Sungguh, kami benar-benar menderita kerugian. 67. Bahkan kami tidak mendapat hasil apa pun." 68. Pernahkah kamu memperhatikan air yang kamu minum? 69. Kamukah yang menurunkannya dari awan atau Kami yang menurunkan? 70. Sekiranya Kami kehendaki, nescaya Kami menjadikannya masin, mengapa kamu tidak bersyukur? 71. Maka pernahkah kamu memperhatikan tentang api yang kamu nyalakan (dengan kayu)? 72. Kamukah yang menumbuhkan kayu itu atau Kami yang menumbuhkannya? 73. Kami menjadikannya (api itu) untuk peringatan dan bahan yang berguna bagi yang bermusafir. 74. Maka bertasbihlah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang Mahabesar.<sup>2</sup>

### **Tadabbur Ayat**

Segala usaha manusia hanya boleh menjadi kenyataan dengan kuasa dan izin Allah s.w.t. Segala ciptaan Allah untuk kemudahan bagi manusia perlu disyukuri dan dijadikan peringatan akan kebesaran Allah s.w.t. Kuasa Allah yang tidak terjangkau dalam penciptaan air, ada yang tawar untuk diminum bagi menghilangkan haus, ada pula yang masin untuk dijadikan garam bagi kegunaan manusia. Segala ciptaan Allah membuktikan kebesaran, kebijaksanaan dan keagungan-Nya. Hanya orang yang berfikir dan mempunyai hati yang bersih mudah mengakuinya dan mengucapkan zikir memuji-Nya.

---

<sup>2</sup> Dari Uqbah bin 'Amir katanya, "Apabila turun ayat ini, Rasulullah s.a.w bersabda, "Jadikan (tasbih ini sebagai zikir) dalam rukuk kamu." (H.R. Abu Daud, al-Hakim & Ibn Hibban)

## **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Fikir dan renungkan kebesaran Allah dengan menambah kefahaman menerusi ilmu sains. Boleh baca buku sains atau ikuti program dokumentari mengenai keajaiban ciptaan Allah s.w.t.**

### **Firman Allah:**

فَلَا أُفْسِمُ بِمَوَاقِعِ النُّجُومِ (٧٥) وَإِنَّهُ لَقَسَمٌ لَوْ تَعْلَمُونَ عَظِيمٌ (٧٦) إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ (٧٧) فِي كِتَابٍ مَكْنُونٍ (٧٨) لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ (٧٩) تَنْزِيلٌ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٨٠) أَفَبِهَذَا الْحَدِيثِ أَنْتُمْ مُدْهِنُونَ (٨١) وَتَجْعَلُونَ رِزْقَكُمْ أَنَّكُمْ تُكَذِّبُونَ (٨٢) فَلَوْلَا إِذَا بَلَغَتِ الْحُلُقُومَ (٨٣) وَأَنْتُمْ حِينِيذٍ تَنْظُرُونَ (٨٤) وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْكُمْ وَلَكِنْ لَا تُبْصِرُونَ (٨٥) فَلَوْلَا إِنْ كُنْتُمْ غَيْرَ مَدِينِينَ (٨٦) تَرْجِعُونَهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (٨٧)

75. Maka Aku bersumpah dengan tempat beredarnya bintang-bintang. 76. Dan sesungguhnya itu benar-benar sumpah yang besar sekiranya kamu mengetahui. 77. Dan sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu adalah) Al Quran yang sangat mulia. 78. Dalam kitab yang terpelihara (Lauh Mahfuzh). 79. Tidak ada yang menyentuhnya selain hamba-hamba yang diakui suci bersih.<sup>3</sup> 80. Diturunkan dari Tuhan seluruh alam. 81. Apakah kamu menganggap remeh berita ini (Al Qur'an)? 82. Dan kamu menjadikan rezeki yang kamu terima (dari Allah) lalu mendustakannya. 83. Maka kalau begitu mengapa (tidak mencegah) ketika nyawa telah sampai di kerongkongan. 84. Dan kamu ketika itu sendiri melihatnya. 85. Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat. 86. Maka jika kamu memang (rasa) tidak dikuasai (oleh Allah). 87. Kamu kembalikan lah ruh itu (kepada keadaan sebelumnya, ke dalam jasad) jika kamu orang yang benar.

### **Tadabbur Ayat**

Al-Quran itu mensucikan dan memuliakan manusia yang membaca dan mengamalkannya. Tinggi dan besarnya nilai al-Quran sehingga Allah bersumpah untuk mengukuh kedudukan dan fungsinya kepada manusia. Apabila Allah bersumpah dengan sesuatu dari kalangan makhluk-makhluk-Nya yang terpilih, ia memberi isyarat yang penting untuk manusia perhatikan apa yang ingin disampaikan. Kebenaran al-Quran itu sama seperti kebenaran datangnya kematian yang pasti berlaku. Allah memberi perumpaan yang sesuai untuk manusia fikir dan sadar akan hakikat kebenaran al-Quran dan segala kekuasaan-Nya.

---

<sup>3</sup> Pada ayat ini terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai lafaz *al-Mutahharun*. Ada yang mengatakan ia kembali kepada para malaikat Allah yang suci. Ada pula yang mengatakan ia kembali kepada manusia yang suci bersih dari hadas untuk menyentuh dan memegang al-Quran. Sila rujuk pembahasannya secara lanjut dari kitab-kitab tafsir yang muktabar.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Hargai al-Quran dengan membaca sambil berfikir akan isi kandungannya.**
- ❖ **Jadilah di kalangan ahli al-Quran kerana ia membawa kepada kejayaan di dunia dan akhirat.**

### **Firman Allah:**

فَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُقَرَّبِينَ (٨٨) فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّةٌ نَعِيمٌ (٨٩) وَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنْ أَصْحَابِ الْيَمِينِ (٩٠)  
فَسَلَامٌ لَكَ مِنْ أَصْحَابِ الْيَمِينِ (٩١) وَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُكَذِّبِينَ الضَّالِّينَ (٩٢) فَنُزُلٌ مِنْ حَمِيمٍ (٩٣)  
وَتَصْلِيَةٌ جَحِيمٍ (٩٤) إِنَّ هَذَا هُوَ حَقُّ الْيَقِينِ (٩٥) فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ (٩٦)

88. Jika dia (orang yang mati) itu termasuk dari *al-Muqarrabin* (yang dekat kepada Allah). 89. Maka dia memperoleh ketenteraman dan rezeki serta syurga (yang penuh) kenikmatan. 90. Dan adapun jika dia termasuk golongan kanan. 91. Maka, “Salam bagimu (wahai) dari golongan kanan!”. 92. Dan adapun jika dia termasuk golongan orang yang mendustakan dan sesat. 93. Maka dia disambut dengan siraman air yang mendidih. 94. Dan dibakar di dalam neraka. 95. Sungguh, inilah keyakinan yang benar. 96. Maka bertasbihlah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang Mahabesar.

### **Tadabbur Ayat**

Diulangi lagi sebutan *al-Muqarrabin* bagi menunjukkan kelebihan golongan ini yang amat istimewa di sisi Allah. Golongan *Ashab al-Yamin* juga termasuk mereka yang selamat dan sejahtera di akhirat kelak. Golongan yang mendustakan kebenaran lagi sesat pula bakal menghadapi azab siksa yang pedih, sesuai dengan kejahatan dan kesombongan mereka. Allah s.w.t dengan sifat Rahmah dan adil-Nya telah memberikan petunjuk yang cukup untuk manusia memilih dan menilai jalan mana yang selamat dari yang sesat. Kejayaan atau kegagalan manusia di akhirat kelak berpandukan pilihan mereka sendiri di dunia ini. Walau apa pun yang dipilih manusia untuk dirinya di dunia, sama ada baik ataupun buruk, sedikit pun tidak menggugat dan merubah kedudukan serta keagungan Allah s.w.t.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Usahakan yang terbaik di dunia ini untuk mencapai darajat yang terbaik di akhirat kelak. Jangan putus berdoa agar Allah kurniakan Rahmat dan keredhaan-Nya untuk kita.**

وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين

### **Catitan Peribadi Dari Surah al-Waqi'ah**

- Apakah pelajaran yang anda perolehi dari surah al-Waqi'ah?
- Jika masih ada lagi yang belum difahami, sila catit dan senaraikan perkara-perkara yang anda ingin fahami dengan lebih lanjut.
- Cari jawapannya dengan merujuk kepada ahli tafsir di kalangan asatizah yang bertauliah kerana keinginan untuk mengetahui lanjut akan sesuatu perkara membuka pintu-pintu ilmu yang luas.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

# ***Terima Kasih***

HARAP ARTIKEL INI DAPAT MEMBERI  
MANFAAT KEPADA ANDA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,  
rezeki yang halal dan baik, serta amal yang diterima.



**TERIMA KASIH  
KERANA  
MENYUMBANG  
KEPADA PROJEK  
TAFSIR 30 JUZ INI.**

Sokongan anda amat dihargai

Follow us on:  darultafsir.ak

**DARUL TAFSIR AL-KHAIR**